



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

HEBAHAN AWAM AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PERMOHONAN PERMIT RENTAS SEMPADAN KENDERAAN BARANGAN ASEAN (“AGVCBP”) DIBUKA SEHINGGA 15 JANUARI 2024

1. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin memaklumkan bahawa permohonan Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan Asean (“AGVCBP”) Fasa Satu masih dibuka sehingga **15 Januari 2024**. Penilaian akan dibuat selepas tempoh permohonan ditutup.
2. Syarat kelayakan dan borang permohonan boleh dirujuk di laman portal APAD iaitu **www.apad.gov.my**. Permohonan yang telah lengkap boleh dihantar secara fizikal ke Kaunter APAD Wilayah dan akan dikenakan fi proses. Permohonan hendaklah dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau wakil yang dilantik.
3. Sehubungan itu, pihak APAD mempelawa semua pengendali yang berminat untuk mengambil maklum dan membuat permohonan. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai syarat dan cara permohonan, sila e-melkan **ukb@apad.gov.my**.

Sekian, harap maklum.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
4 Januari 2024

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

www.apad.gov.my